

Bil. S 15

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2012

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

JADUAL

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2012

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 5(1) dan (2) dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 1 tahun 2012 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

2. (1) Pengeluaran dari Undang-Undang adalah dengan ini diarahkan bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

(2) Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang diarahkan untuk dikeluarkan di bawah perenggan kecil (1), bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat, merujuk kepada undang-undang bertulis yang disebut dalam ruang-ruang pertama dan kedua.

JADUAL

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Mukasurat-mukasurat	Tulisan
126	Akta Perkahwinan Orang Cina	1 hingga 10	B.L.R.O. 1/1984
201	Akta Bank Pembangunan Asia	1 hingga 8	B.L.R.O. 5/2009

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
126	Akta Perkahwinan Orang Cina	1 hingga 10	B.L.R.O. 1/2012
201	Akta Bank Pembangunan Asia	1 hingga 10	B.L.R.O. 1/2012.

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 20 haribulan Februari, 2012.

DATIN SERI PADUKA DAYANG HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG
KAYA SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD. SALLEH
Peguam Negara,
Negara Brunei Darussalam.